

1978 OLEH K. BALASUBRAMANIAM

SINGAPURA, 23 NOV (BERNAMA) — KERAJAAN MALAYSIA SENTIASA MENGAJI RANCANGANNYA BAGI PEMBANGUNAN PERUSAHAAN-PERUSAHAAN KECIL GUNA MEMASTIKAN PELAKSANAAN YANG LEBIH BERKESAN, KATA DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD DI SINI HARI INI.

DALAM HUBUNGAN ITU, KERAJAAN BUAT MASA INI SEDANG MENINJAU DUA KEMUNGKINAN UNTUK MEMESTIKAN MANAKAH YANG PALING BAIK UNTUK MEMENUHI HASRAT PENIAGA-PENIAGA KECIL DI MALAYSIA, KATANYA.

KEMUNGKINAN-KEMUNGKINAN ITU TIALAH PENUBUHAN AGENSI TUNGGAL BAGI MENGURUSKAN GALAKAN DAN PEMBANGUNAN SEKTOR-SEKTOR PERUSAHAAN KECIL ATAUPUN MEMPERBESAR SERTA MEMPERKUKUHKAN LAGI MAJLIS PENYELARASAN YANG ADA SEKARANG UNTUK TUJUAN ITU.

TIMBALAN PERDANA MENTERI MENYATAKAN DEMIKIAN KETIKA BERUCAP MENGENAI +PERUSAHAAN-PERUSAHAAN KECIL DALAM KONTEKS MALAYSIA+ DI SEMINAR EMPAT HARI MENGENAI PERANAN INDUSTRI-INDUSTRI KECIL DALAM EKONOMI ASEAN, ANJURAN CONSUL ASIA PRIVATE LIMITED YANG BERAKHIR MALAM INI.

LEBIH 100 ORANG PESERT DARI NEGARA-NEGARA ASEAN TEGMASUK 40 ORANG DARI MALAYSIA MENGHADIRI SEMINAR ITU. — BERSAMBUNG 1537/YF

££

B550

MAHATHIR - SEMINAR 2 SINGAPURA

KETIKA MENGGARISKAN BEBERAPA KEJAYAAN YANG TELAH DICAPAI OLEH MAJLIS YANG ADA SEKARANG, DATUK SERI DR. MAHATHIR YANG JUGA MENTERI PERDAGANGAN DAN PERINDUSTRIAN, BERKATA, SATU PROJEK MENGENAI PUSAHA PEMINDAHAN TEKNOLOGI SEDANG DILAKSANAKAN DENGAN KERJASAMA SEBUAH SYARIKAT PERUNDING DARI GERMAN.

+EKORAN DARI KAJIAN KESESUAIAN YANG DIJALANKAN, KERAJAAN TELAH BERSETUJU MENUBUHKAN SEBUAH MAJLIS PENYELARASAN BAGI PEMINDAHAN TEKNOLOGI. + TAMBAHNYA. — BERSAMBUNG 1540/YF
MAHATHIR-SEMINAR 3 SINGAPURA

KATANYA, MENURUT BANCIAN INDUSTRIAN PEMBUATAN, BILANGAN PERUSAHAAN KECIL YANG DIDASARKAN KEPADA 24 ORANG PEKERJA DAN KURANG TIALAH KIRA-KIRA 8,900 BUAH DARI JUMLAH 11,060 YANG TER-TUBUH DI MALAYSIA.

PERUSAHAAN-PERUSAHAAN KECIL TERSEBUT TELAH MENYUMBANGKAN KIRA-KIRA \$219 DARI \$2,327 JUTA DARI SEGI TAMBAHAN NILAI, MEMPUK BILANGAN PEKERJA 35,000 DARI 269,000 ORANG DAN MEMPEROLEHI \$865 JUTA DARI \$7,678 JUTA DALAM SEGI JUALAN KASAR.

DARI SEGI PERATUSAN PULA, WALAUPUN PERUSAHAAN-PERUSAHAAN KECIL MEMBENTUK 80 PERATUS DARI JUMLAH PERUSAHAAN YANG DITUBUHKA SUMBANGANNYA DARI SEGI EKONOMI TIALAH HANYA 9.4 PERATUS DAN DARI SEGI PEKERJAAN PULA 11.2 PERATUS SAHAJA.

DATUK SERI DR. MAHATHIR MENSIFATKAN SUMBANGAN ITU SEBAGAI WAJAR MEMANDANGKAN MODAL YANG TERLIBAT ADALAH KURANG 10 PERATUS DARI JUMLAH SELURUHNYA.

KERAJAAN MALAYSIA, KATANYA, MENGAKUI TENTANG PERANAN PENTING YANG DIMAINKAN OLEH PERUSAHAAN DALAM EKONOMI DAN TELAH BERUSAHA MEWUJUDKAN KEMUDAHAN-KEMUDAHAN UNTUK MENGGALAK SERTA MEMODENKAN SEKTOR TERSEBUT. —BERSAMBUNG 1614/AH

MAHATHIR - SEMINAR 4 SINGAPURA

SEMASA SOAL JAWAB, DATUK SERI DR. MAHATHIR MENYATAKAN BAHAWA KERAJAAN MALAYSIA SEDANG DALAM PROSES MEMBENTUK SEBUAH AGENSI BAGI MEMASARKAN BATIK KE SEBERANG LAUT.

KATANYA, BUAT MASA INI, PENGELUARAN BATIK SECARA KECIL-KECILAN TIDAK DAPAT MEMENUHI PESANAN-PESANAN DARI SEBERANG LAUT TERUTAMA AMERIKA SYARIKAT DARI SEGI JUMLAH DAN WARNA YANG STANDARD BAGI BATIK.

TIMBALAN PERDANA MENTERI YAKIN DENGAN PELUANG-PELUANG YANG ADA DAN DENGAN SOKONGAN KERAJAAN SEKTOR PERUSAHAAN KECIL AKAN MENCAPI KEMAJUAN PESAT DI-MASA-MASA AKAN DATANG.

BELIAU MENINGGATKAN, WALAUPUN PERUSAHAAN-PERUSAHAAN KECIL ITU PERLU DIBANTU DAN DIGALAKKAN IA HANYA MERUAPAKAN SEBAHAGIAN DARI PEMBANGUNAN PERUSAHAAN KESELURUHAN-NYA. --BERNAMA 1635/AH

MAHATHIR-SEMINAR 6 SINGAPURA (SAMBUNGAN BERITA 560)

114

DATUK SERI DR. MAHATHIR MEMBERITAHU PARA PEMBERITA KEMUDIAN, SOAL TIDAK DAPAT MENCAPI BEBERAPA MATLAMAT DI BAWAH RANCANGAN MALAYSIA KETIGA SEPERTI YANG BERKAITAN DENGAN PELABURAN TEMPATAN DAN ASING, TIDAK AKAN MENJEJASKAN TERCAPAINYA DASAR EKONOMI BARU.

PERKARA INI BERLAKU KERANA KELEMBAPAN DALAM PELABURAN ASING KERANA SEBAB-SEBAB SEPERTI KEMELESETAN EKONOMI ANTARABANGSA, DAN BUKANNYA KERANA FAKTOR-FAKTOR TEMPATAN, TAMBAHNYA.

MENURUT DATUK SERI DR. MAHATHIR, PARA PENGUSAHA TEMPATAN BERGANTUNG KEPADA KEPAKARAN ASING DAN SEBARANG KELEMBAPAN DARI SEKTOR LUAR NEGERI INI AKAN MENJEJASKAN PELABURAN TEMPATAN.

BAGAIMANAPUN, TAMBAHNYA, LEBIH BANYAK PELABURAN ASING MASUK KE MALAYSIA SEKARANG DAN INI AKAN MENINGKATKAN PELABURAN TEMPATAN.

DATUK SERI DR. MAHATHIR JUGA BERKATA, LEBIH BANYAK PERUNTUKAN AKAN DISEDIAKAN UNTUK PROJEK-PROJEK DI BAWAH RANCANGAN MALAYSIA KETIGA SEMASA KAJIAN SEPARUH PENGGAL RANCANGAN TERSEBUT YANG AKAN DIBENTANGKAN DI PARLIMEN BULAN MAC TAHUN DEPAN. -- BERNAMA 1910 YF